

## TERMA DAN SYARAT BAGI “PROGRAM STAR ACHIEVER”

Public Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)] (“PBB”) telah melancarkan “Program Star Achiever” (“Program”) di bawah Akaun Simpanan WISE (“Akaun”) yang bertujuan untuk memberi ganjaran kepada kanak-kanak yang cemerlang dalam pelajaran mereka. Terma dan syarat di bawah akan mengawal Program ini.

### 1) Tempoh

1.1 Program ini akan dijalankan setiap tahun kalendar dari 1 Januari hingga 31 Disember (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau tarikh lain seumpamanya seperti yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa (“Tempoh Program”).

### 2) Kelayakan

2.1 Program ini terbuka kepada semua pelanggan PBB yang memenuhi kriteria yang berikut:-

- a) Membuka dan/atau mengekalkan Akaun dengan PBB semasa Tempoh Program dan sebelum tarikh peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (“SPM”);
- b) Mestilah pelajar sekolah menengah yang akan menduduki peperiksaan SPM semasa Tempoh Program. Sekiranya peperiksaan SPM itu ditangguhkan kepada Tempoh Program berikutnya, iaitu pada tahun kalendar berikutnya, pemegang akaun bagi Akaun tersebut masih layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini selagi Akaun terus dibuka dan/atau dikekalkan pada tahun kalendar Tempoh Program yang peperiksaan SPM itu sepatutnya diadakan;

#### Ilustrasi:-

##### i) Tiada penangguhan Tarikh Peperiksaan:-

Tarikh Akaun Dibuka	Tarikh Peperiksaan SPM	Tempoh Program Berlangsung	Layak (Ya/Tidak) dan Tahun yang Layak
1 Jan 2022	1 Nov 2022	1 Jan 2022 hingga 31 Dis 2022	Ya, 2022
5 Mei 2022	1 Nov 2023	1 Jan 2023 hingga 31 Dis 2023	Ya, 2023
12 Dis 2022	1 Nov 2022	1 Jan 2022 hingga 31 Dis 2022	Tidak (Akaun dibuka selepas Tarikh Peperiksaan)

ii) Peperiksaan ditangguhkan kepada Tempoh Program berikutnya, iaitu tahun kalendar berikutnya:-

Tarikh Akaun Dibuka	Tarikh Peperiksaan SPM		Tempoh Program Berlangsung	Layak (Ya/Tidak) dan Tahun yang Layak
	Asal	Ditangguhkan kepada		
5 Mei 2022	1 Nov 2022	1 Mac 2023	1 Jan 2022 hingga 31 Dis 2022	Ya, 2022
1 Dis 2022	1 Nov 2022	1 Mac 2023	1 Jan 2022 hingga 31 Dis 2022	Ya, 2022 (Akaun dibuka semasa tahun kalendar Tempoh Program yang Berkenaan)
1 Feb 2023	1 Nov 2022	1 Mac 2023	1 Jan 2022 hingga 31 Dis 2022	Tidak (Akaun dibuka selepas tahun kalendar Tempoh Program yang Berkenaan)

- c) Mengekalkan baki purata harian minimum sebanyak RM500.00 dalam Akaun sepanjang keseluruhan Tempoh Program; dan
- d) Akaun mesti aktif sepanjang berlangsungnya Tempoh Program dan sehingga hadiah tunai dikreditkan dalam akaun pemegang akaun.

(Secara kolektif dirujuk sebagai "Peserta yang Layak")

- 2.2 Anak/Anak-anak kakitangan tetap/kontrak Kumpulan Public Bank layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini.
- 2.3 Bagi akaun bagi pihak, ibu bapa/penjaga yang sah dan anak di bawah umur dianggap sebagai seorang individu bagi tujuan Program ini. Bagaimanapun, hanya pelajar itu sahaja, yang merupakan anak di bawah umur, layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini dan akan dianggap sebagai Peserta yang Layak.
- 2.4 Sekiranya Akaun ialah akaun bersama dan terdapat lebih daripada seorang (1) anak yang merupakan pemegang akaun bagi Akaun tersebut, hanya satu (1) orang anak akan diterima untuk mengambil bahagian bagi Tempoh Program berkenaan.

### 3) Mekanisme Program

#### A. Kriteria Kelayakan

- 3.1 Peserta yang Layak untuk Program ini yang menduduki peperiksaan SPM mesti memperoleh pencapaian minimum untuk berpeluang memenangi hadiah tunai seperti yang tercatat dalam jadual di bawah:-

Kategori	Pencapaian Minimum*	Hadiah Tunai setiap Penerima	Jumlah Bilangan Hadiah Tunai	Jumlah Hadiah Tunai
A	8A	RM200	100	RM20,000
B	10A	RM300	150	RM45,000

\* Seperti yang tercatat dalam Slip Keputusan Peperiksaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia atau yang setara dengannya.

#### B. Pengemukaan Keputusan Peperiksaan

- 3.2 Penyertaan dalam Program ini ialah dengan mengemukakan keputusan peperiksaan melalui laman web PBB, Aplikasi PB Journey atau kepada cawangan pemegang akaun Peserta yang Layak (berserta Slip Keputusan Peperiksaan asal dan salinannya yang hendaklah disahkan dan disimpan oleh cawangan). Selepas pengemukaan dalam talian melalui laman web PBB berjaya dibuat, pengirim akan menerima makluman dan nombor siri akan diberikan oleh PBB.
- 3.3 Hanya satu (1) pengemukaan diperlukan bagi setiap peperiksaan asalkan pencapaian minimum seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.1 dipenuhi.
- 3.4 Hanya keputusan peperiksaan SPM disahkan berdasarkan slip keputusan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia atau yang setara dengannya akan diterima oleh PBB.
- 3.5 Tarikh pengemukaan keputusan peperiksaan itu adalah dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh pengumuman keputusan peperiksaan tersebut atau tarikh lain yang akan dimaklumkan oleh PBB dari semasa ke semasa ("Tarikh Keputusan Perlu Dikemukakan"). Apa-apa permintaan untuk mengemukakan keputusan peperiksaan selepas Tarikh Keputusan Perlu Dikemukakan tidak akan dilayani.

#### C. Hadiah Tunai

- 3.6 Program ini menawarkan sejumlah dua ratus lima puluh (250) hadiah tunai seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.1.
- 3.7 Penerima hadiah tunai bagi setiap kategori akan dipilih berdasarkan seratus (100) pengemukaan untuk Kategori A dan seratus lima puluh (150) pengemukaan untuk Kategori B dengan bilangan A terbanyak yang diperoleh dengan syarat memenuhi pencapaian minimum seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.1. Jika terdapat lebih daripada seratus (100) pengemukaan dalam Kategori A dan seratus lima puluh (150) pengemukaan dalam Kategori B yang layak untuk hadiah tunai tersebut, penerima yang berpotensi untuk mendapat hadiah itu akan disenarai pendek berdasarkan baki purata harian tertinggi dalam Akaun mereka semasa Tempoh Program.

- 3.8 Peserta yang Layak berhak untuk mendapat SATU (1) hadiah tunai untuk Tempoh Program yang berkenaan.
- 3.9 Senarai akhir penerima hadiah tunai akan diumumkan oleh PBB melalui laman web PBB, dimaklumkan oleh cawangan pemegang akaun atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dalam tempoh tiga (3) bulan dari Tarikh Keputusan Perlu Dikemukakan atau tarikh lain yang dianggap sesuai oleh PBB (“Tarikh Makluman”).
- 3.10 Hadiah tunai akan dikreditkan dalam Akaun penerima hadiah tunai dalam tempoh satu (1) bulan dari Tarikh Makluman atau tarikh lain yang dianggap sesuai oleh PBB.

#### **4) Terma Lain**

- 4.1 Hadiah tunai di bawah Program ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 4.2 Penerima hadiah tunai tidak layak untuk hadiah tunai di bawah Program ini sekiranya Akaun penerima hadiah tunai ditutup, digantung, dibatalkan atau ditamatkan sebelum pembayaran hadiah tunai dalam Akaun penerima hadiah tunai.
- 4.3 PBB berhak untuk menarik balik hadiah tunai sekiranya terma dan syarat ini serta terma dan syarat yang mengawal Akaun ini tidak dipatuhi.

#### **5) Am**

- 5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta terma dan syarat yang mengawal Akaun itu (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Akaun atau iklan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan Program ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Program ini.
- 5.2 Apa-apa prop, aksesori, peralatan atau barang yang ditunjukkan bersama-sama dengan hadiah tunai dalam semua bahan bercetak, laman web atau di cawangan PBB adalah bagi tujuan hiasan sahaja dan tidak akan menjadi sebahagian daripada hadiah tunai.
- 5.3 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Program ini termasuk tetapi tidak terhad pada pemilihan penerima hadiah tunai adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada Peserta yang Layak.
- 5.4 Sekiranya Peserta yang Layak adalah orang di bawah umur:-
  - a) Ibu bapa/penjaga yang sah Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan kesemua maklumat mereka dan maklumat Peserta yang Layak bagi tujuan Program ini;
  - b) Ibu bapa/penjaga yang sah Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada Peserta yang Layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini dan bersetuju bahawa terma dan syarat ini hendaklah diterima pakai berkaitan dengan penyertaan Peserta yang Layak dalam Program ini; dan

- c) Ibu bapa/penjaga yang sah Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB untuk menerbitkan dan mempamerkan maklumat mereka dan maklumat Peserta yang Layak termasuk tetapi tidak terhad pada nama, Kad Pengenalan atau gambar bagi tujuan pengiklanan dan penerbitan.
- 5.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan dan/atau bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak, ibu bapa/penjaganya yang sah dan/atau pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini dan hadiah tunai tersebut kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Program ini.
- 5.6 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Program ini dan/atau hadiah tunai yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 5.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Program ini, kegagalan teknikal dalam apa juga bentuk, campur tangan orang yang tidak dibenarkan, dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan pengolahan Program ini.
- 5.8 a) PBB berhak untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui makluman dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa juga kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- b) PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Program ini sebelum Program ini berakhir, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui makluman dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa juga kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan berkenaan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
- 5.9 Program ini tertakluk pada pengawalseliaan, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan seumpamanya yang berkaitan.
- 5.10 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah di Malaysia.
- 5.11 Ibu bapa/Penjaga yang sah Peserta yang Layak and Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB berkaitan dengan proses, penggunaan dan/atau penyimpanan data peribadi dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

[Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong]